



[THE INFLUENCE OF LOGIC ON THE POLEMIC OF KALIMAH AL-TAWHID: A STUDY ON KHATIMAH AL-SA'ADAH]

PENGARUH ILMU MANTIK TERHADAP POLEMIK KALIMAH AL-TAWHID: SATU KAJIAN TERHADAP KITAB KHATIMAH AL-SA'ADAH

MOHD SAIFUL AQIL NAIM SAFUL^{*}
SYED MOHAMMAD HILMI SYED ABDUL RAHMAN¹

¹Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Malaysia.

*Corresponding author: mohdsaifalsiddiqi01@gmail.com

Received Date: 1 November 2023 • Accepted Date: 1 December 2023

Abstract

The polemic of *kalimah al-tawhid* is a polemic that took place between three figures of kalam in Morocco around the 10th, 11th and 12th hijri centuries in the interpretation of the *la ilaha illa Allah*. They are Abu Muhammad 'Abdullah al-Habti, Abu 'Abdillah Muhammad al-Kharrubi al-Tarabusi and also Abu 'Abdillah Muhammad al-Yasitani. The three figures have their own interpretations in understanding the expression of the *kalimah al-tawhid* based on the methods of arabic syntax, logic and also kalam. However, the disagreement between them and their followers has led to a serious conflict that Abu 'Ali al-Hasan bin Mas'ud al-Yusi said that this disagreement has caused each group to blame the other group to the point of accusing each other faith as a deviant teaching. Ahmad bin Hasan al-Jawhari through *Khatimah al-Sa'adah* tried to harmonize this dispute and explain the meaning of the *kalimah al-tawhid* based on the methods of arabic syntax, logic and also kalam knowledge. Since logic has a role and influence that affects the interpretation of each group of figures, there is a need to study how the influence of logic in understanding this polemic. Therefore, this study was written to analyze the influence of logic on the polemic of the *kalimah al-tawhid* through the method of library research and the process of text analysis based on the text of *Khatimah al-Sa'adah* as well as related scholarly documents. The results of the study found that logic indeed has a role in understanding the word al-tawhid with a correct understanding. This is very important to ensure a genuine understanding of the word al-tawhid from any mistakes.

Keywords: Logic, kalam, *kalimah al-tawhid*, al-Jawhari, *Khatimah al-Sa'adah*

Abstrak

Polemik *kalimah al-tawhid* merupakan polemik yang berlaku antara tiga orang tokoh ilmu kalam di Maghribi pada sekitar abad ke-10, 11 dan 12 H dalam pentafsiran ungkapan *la ilaha illa Allah*.

Mereka ialah Abu Muhammad ‘Abdullah al-Habti al-Kabir, Abu ‘Abdillah Muhammad al-Kharrubi al-Tarabulsi dan juga Abu ‘Abdillah Muhammad al-Yasitani. Ketiga-tiga tokoh tersebut mempunyai tafsiran yang tersendiri dalam memahami ungkapan *kalimah al-tawhid* berdasarkan metode ilmu nahu, mantik dan juga ilmu kalam. Namun, perselisihan tersebut membawa kepada pertelingkahan yang serius sehingga Abu ‘Ali al-Hasan bin Mas‘ud al-Yusi mengatakan bahawa perselisihan ini menyebabkan setiap kelompok menyalahkan kelompok yang lain hingga ke tahap menyesatkan. Ahmad bin Hasan al-Jawhari menerusi *Khatimah al-Sa‘adah* cuba mengharmonikan perselisihan ini dan menjelaskan makna bagi *kalimah al-tawhid* berdasarkan kaedah ilmu nahu, mantik dan juga ilmu kalam. Memandangkan ilmu mantik mempunyai peranan yang mempengaruhi pentafsiran setiap kelompok tokoh tersebut, kajian ini menganalisis peranan dan pengaruh ilmu mantik dalam pemahaman *kalimah al-tawhid* yang dibahaskan menerusi metode kajian kepustakaan dan analisis teks berdasarkan teks *Khatimah al-Sa‘adah* serta dokumen karya ulama yang berkaitan. Hasil kajian mendapati ilmu mantik berperanan dalam memberikan kefahaman yang benar mengenai *kalimah al-tawhid*. Ini amat penting bagi memastikan kefahaman yang benar mengenai *kalimah al-tawhid* terjaga daripada sebarang kesilapan.

Kata kunci: Ilmu mantik, ilmu kalam, *kalimah al-tawhid*, al-Jawhari, *Khatimah al-Sa‘adah*

Cite as: Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman 2023. Pengaruh Ilmu Mantik Terhadap Polemik Kalimah al-Tawhid: Satu Kajian Terhadap Khatimah al-Sa‘adah. [The Influence Of Logic On The Polemic Of Kalimah Al-Tawhid: A Study On Khatimah Al-Sa‘adah]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(2): 73-83.

PENGENALAN

Ungkapan “*la ilaha illa Allah*” (الله إِلَهٌ لَا إِلَهٌ مِّنْ دُوْنِهِ) mempunyai pelbagai nama dan juga gelaran lain. Antaranya ialah *kalimah al-tawhid* kerana inti pati utama ungkapan ini mengesakan Allah SWT daripada sebarang sekutu dalam sifat ketuhanan berdasarkan ijmak. Ia juga dinamakan sebagai *kalimah al-jalalah* kerana ungkapan ini juga menunjukkan kepada keagungan Allah SWT sebagai satu-satunya Tuhan yang berhak disembah (al-Bajuri, t.t.). Selain itu, ia juga dinamakan sebagai *kalimah al-ikhlas* dan juga *kalimah al-shahadah* kerana ia mengisyaratkan kepada kebebasan dan kesucian hati ahlinya daripada kekotoran syirik serta penyaksian penuh terhadap keesaan Allah SWT. Oleh itu, gabungan kata antara lafadz kalimah dan *al-tawhid*, *al-jalalah*, *al-ikhlas* dan *al-shahadah* merupakan gabungan *idafah al-dal ila madlulih* (al-Ansari, 2020).

Selaras dengan kaedah *kathrah al-asma’ tadullu ‘ala sharf al-musamma*, kepelbagaiannya nama bagi satu penama merupakan dalil ataupun petunjuk kepada kemuliaan bagi pemilik nama-nama tersebut (Khalil Isma'il Ilyas, 2016). Ungkapan ini mempunyai nilai dan sentimen yang tinggi dalam kalangan umat Islam. Perlu juga diberikan perhatian bahawa ungkapan turut dijadikan piawaian dalam menentukan keislaman seseorang dan juga berperanan sebagai penyelamat buat seorang insan di akhirat kelak. Terdapat beberapa hadis yang jelas menyatakan bahawa ungkapan ini merupakan kunci memasuki syurga dan juga penyelamat daripada kekal dalam api neraka. Kelebihan ungkapan ini pula banyak sehingga sebahagian ilmuwan menulis karya khusus dalam membincangkan kelebihan ungkapan ini sama ada dari sudut pahala ataupun kesannya terhadap penuturnya. Oleh itu, jelaslah bahawa ungkapan ini memiliki kedudukan yang tinggi dalam kalangan umat Islam sama ada dalam kalangan ulama maupun

orang awam.

Dari pada itu, para ilmuwan Islam mula bergiat dalam menjelaskan makna *kalimah al-tawhid* sama ada melalui penulisan ataupun pengajian. Antara ilmuwan dan tokoh ilmu kalam yang turut membincangkan makna ungkapan ini dengan terperinci ialah Muhammad bin Yusuf al-Sanusi menerusi *Sharh Umm al-Barahin* yang sekali gus kitab ini menjadi tumpuan tokoh ilmu kalam setelahnya. Era ini digelar era ‘pasca-al-Sanusi’ kerana metodologi penulisan ilmu kalam setelah pada era al-Sanusi berubah dari pola dan metodologi penulisan Fakhr al-Din Muhammad bin ‘Umar al-Razi seperti *Sharh al-Maqasid* oleh Sa‘ad al-Din Mas‘ud bin ‘Umar al-Taftazani ke metodologi penulisan al-Sanusi (al-Shafi‘i, 2013). Antara tokoh ilmu kalam yang berkhidmat pada karya al-Sanusi tersebut ialah Muhammad bin Ahmad bin ‘Arafah al-Dusuqi menerusi penulisan *hashiah* terhadapnya (Zainul Abidin, 2020).

Setelah itu, muncul pula beberapa tokoh ilmu kalam di Maghribi yang turut menulis risalah dan kitab yang eksklusif membincangkan perihal ungkapan *kalimah al-tawhid* ini. Antaranya ialah Abu ‘Abdillah Muhammad al-Kharrubi al-Tarabulsi menerusi *Muzil al-Labs ‘inda al-Qawa‘id al-Khams*. Namun, pentafsiran beliau terhadap ungkapan ini tidak diterima oleh seorang tokoh ilmu kalam di sana iaitu Abu ‘Abdillah Muhammad al-Yasitani dan beliau juga mengemukakan beberapa hujah dan pentafsiran. Menariknya, pendapat al-Yasitani ini pula disanggah oleh juga seorang tokoh ilmu kalam di Maghribi iaitu Abu Muhammad ‘Abdullah al-Habti yang menulis sebuah kitab yang berjudul *al-Ishadah bi Madlul Kalimah al-Shahadah* untuk membantah pandangan kedua-dua tokoh tersebut (Zainul Abidin, 2021). Melalui perselisihan ini, ia telah membawa kepada polemik antara pengikut dan kelompok tiga orang tokoh tersebut. Ia menjadi semakin serius sehingga menurut Abu ‘Ali al-Hasan bin Mas‘ud al-Yusi, perselisihan ini menyebabkan setiap kelompok menyalahkan kelompok yang lain hingga ke tahap menyesatkan (al-Yusi, 2019). Atas dasar itu, muncul dua orang tokoh penting yang berperanan mengharmonikan perselisihan ini iaitu al-Yusi sendiri menerusi *Mashrab al-‘Am wa al-Khas min Kalimah al-Ikhlas* dan juga Ahmad bin Hasan al-Jawhari menerusi *Khatimah al-Sa‘adah wa al-Iltija’ ila Allah fi Ma‘na La Ilaha Illa Allah*.

Antara elemen penting yang telah menarik minat penulis untuk mengkaji isu ini ialah perselisihan antara tokoh besar tersebut melibatkan perbincangan ilmu mantik. Ini menunjukkan bahawa ilmu mantik mempunyai peranan yang penting dalam memberi kesan dan mempengaruhi pemahaman individu terhadap *kalimah al-tawhid*. Kefahaman ilmu mantik yang tidak benar ataupun tidak mencukupi berpotensi untuk menyebabkan seseorang itu memahami ungkapan yang agung ini dengan kefahaman yang salah lantas membawa kepada kesesatan dan kekufuran. Ungkapan ini tidak boleh difahami dengan kefahaman yang tidak benar kerana ia merupakan asas keimanan seseorang bahkan juga dalam kalangan *ma‘lum min al-din bi al-darurah*. Oleh itu, artikel ini mengkaji bagaimana ilmu mantik serta kaedahnya memberikan kesan dan pengaruh terhadap tokoh tersebut dalam pentafsiran *kalimah al-tawhid* serta bagaimana kesilapan dalam memahami prinsip ilmu mantik akan membawa kepada kesilapan yang besar dalam memahami ungkapan ini.

SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Perbincangan pada artikel ini berdasarkan kajian kepustakaan yang bertumpu pada teks *Khatimah al-Sa‘adah* sebagai induk kajian serta disokong dengan data dan maklumat yang

diperoleh daripada karya ilmuwan yang berkaitan dengan isu ini serta bidang ilmu yang berkaitan. Fokus perbincangan adalah pada kesan ilmu mantik terhadap pentafsiran tokoh ilmu kalam bagi *kalimah al-tawhid*. Oleh itu, perbincangan ini hanya akan berfokuskan pada kefahaman dan pentafsiran tokoh ilmu kalam terhadap *kalimah al-tawhid* serta bagaimana ilmu mantik mempunyai kesan dalam mempengaruhi pemahaman mereka terhadap ungkapan yang mulia ini.

POLEMIK KALIMAH AL-TAWHID

Secara umumnya, seluruh umat Islam bersepakat bahawa maksud ungkapan *kalimah al-tawhid* ialah tiada suatu tuhan melainkan Allah SWT. Namun, terdapat perselisihan pandangan dalam menentukan maksud lafaz ‘tuhan’ yang mana ia berada pada kedudukan *ism la al-nafiyah li al-jins* dan juga *mustathna minh*.

Pandangan Tokoh Pertama: Muhammad Al-Kharrubi

Polemik ini pada asalnya bermula dengan pandangan al-Kharrubi mengenai perkara yang dinafikan (*mustathna minh*) dalam *kalimah al-tawhid*. Menurut beliau, *mustathna minh* dalam ungkapan tersebut iaitu *ilah* merujuk kepada tuhan-tuhan yang disembah oleh golongan musyrik (al-Yusi, 2019). Beliau berkata:

وَمِنَ الْأَدَبِ أَنْ لَا يَتَنَوَّلَ نَفِيُّكَ عِنْ النَّطْقِ بِحُرْفِ النَّفِيِّ إِلَّا مَا ادْعَاهُ الْمُشْرِكُونَ مِنْ آلهَةٍ سُوَى
اللَّهِ تَعَالَى، وَلَيَكُنِّ الْحُقُّ جَلَّ جَلَالُهُ ثَابِتًا عِنْدَكَ فِي حَالَةِ النَّفِيِّ وَالْإِثْبَاتِ . وَإِلَى هَذَا الْمَعْنَى أَشَارَ
بَعْضُ الْعُلَمَاءِ حِيثُّ قَالَ النَّفِيُّ لِمَنْ يَسْتَحِيلُ كُوْنَهُ وَالْإِثْبَاثُ لِمَنْ يَسْتَحِيلُ عَدْمُهُ .

*Terjemahan: Di antara adab (dengan *kalimah al-tawhid*) ialah penafianmu ketika berbicara dengan huruf penafian ialah hanya menafikan tuhan-tuhan yang didakwa orang musyrik selain Allah SWT dan menjadikan Allah SWT sahaja yang tersabit di sisimu ketika proses penafian dan pengisbatan. Makna inilah yang diisyaratkan oleh sebahagian ulama apabila mereka berkata bahawa penafian itu hanyalah untuk entiti yang mustahil ia wujud manakala pengisbatan pula hanyalah untuk entiti yang mustahil ia tidak wujud.*

Melalui teks ini, dapat difahami bahawa al-Kharrubi berpandangan bahawa maksud tuhan yang dinafikan dalam ungkapan *kalimah al-tawhid* ialah tuhan-tuhan yang disembah oleh orang musyrik seperti berhala dan seumpama dengannya. Hal ini kerana menurut beliau, penafian hanya layak bagi perkara yang mustahil untuk wujud dan ia jelasnya tidak layak untuk Allah SWT ataupun tuhan yang sebenarnya. Penafian disisi ahli mantik merujuk kepada ketidaksabitan suatu hubungan antara subjek (*mawdu’*) dan predikat (*mahmul*) bagi sesuatu ucapan (*qadiyyah*). Abu ‘Abdillah Muhammad bin Muhammad Qutb al-Din al-Razi menerusi *Lawami’ al-Asrar fi Sharh Matali’ al-Anwar* berkata:

فصدق السالبة الخارجية إما بانتفاء الموضوع في الخارج حتى يصدق سلب الشيء عن نفسه
كقولنا لا شيء من الخلاء بخلاء، وإما بانتفاء ثبوت المحمول كقولنا لا شيء من الإنسان
بحجر. وكذا صدق السالبة الحقيقة إما بانتفاء موضوعها في الخارج تحقيقاً أو تقديرًا، أو بانتفاء
الحكم، وكذلك في الذهنية.

Melalui teks ini, dapat difahami dengan jelas bahawa ucapan ataupun *qadiyyah* yang berunsur penafian (*salibah*) itu terhasil sama ada dengan penafian kewujudan *mawdu'* itu sendiri di realiti ataupun penafian kesabitan *mahmul* bagi *mawdu'* (al-Razi, 1393). Sebagai contoh, apabila diucapkan bahawa Fateh itu tidak berasal dari Kuala Nerang, maka ia bermaksud penafian sifat dan ciri sebagai seorang penduduk Kuala Nerang itu dari Fateh.

Oleh itu, al-Kharrūbī berpandangan bahawa tuhan batil yang didakwa oleh orang musyrik sebagai pemilik sifat ketuhanan itu merupakan perkara yang dinafikan kerana maksud yang beliau inginkan ialah sifat-sifat ketuhanan yang sebenar itu ternafi dan tidak sabit pada tuhan-tuhan yang batil tersebut. Oleh itu, *mustathna minh* yang sebenar menurut al-Kharrubi ialah tuhan-tuhan batil yang didakwa benar menurut golongan musyrik (al-Yusi, 2019).

Pandangan Tokoh Kedua: Muhammad Al-Yasitani

Pandangan al-Kharrubi ditolak oleh al-Yasitani dan dianggap tidak tepat kerana menyalahi kaedah kalam, mantik serta nahu. Beliau berhujah dengan empat hujahan utama:

- i. Pandangan yang dibawa al-Kharrubi itu menyelisihi pandangan yang disepakati bahawa lafaz tuhan yang dimaksudkan dalam ungkapan tersebut ialah *al-jins wa al-haqiqah*. Beliau berhujah bahawa kedudukan lafaz tuhan tersebut berada pada kedudukan *ism la al-nafiyah li al-jins*. Oleh itu, sewajarnya lafaz tuhan yang dimaksudkan di sini ialah makna tuhan batil yang bersifat *kulli*.
- ii. Seandainya ucapan al-Kharrubi itu benar, maka ia menatijahkan pengecualian (*istithna*) tersebut ialah *munqati'* sedangkan *istithna* itu pada asalnya merujuk kepada *muttasil*.
- iii. Maksud ‘tuhan’ yang dinafikan dalam ungkapan *kalimah al-tawhid* merujuk kepada makna tuhan yang batil secara umum dan bukannya dikhususkan untuk tuhan yang didakwa orang musyrik sahaja supaya bersesuaian dengan kaedah nahu dan kalam.
- iv. Terdapat kontradiksi (*tanaqud*) pada ucapan al-Kharrubi kerana beliau menukilkan ucapan sebahagian ulama bahawa ‘penafian itu hanyalah untuk entiti yang mustahil ia wujud manakala pengisbatan pula hanyalah untuk entiti yang mustahil ia tidak wujud’ dalam keadaan beliau menyebutkan bahawa tuhan-tuhan yang didakwa oleh orang musyrik itulah yang ternafi. Seandainya diterima ucapan al-Kharrubi, maka ia akan melazimkan kontradiksi (al-Yusi, 2019).

Pandangan Tokoh Ketiga: ‘Abdullah al-Habti al-Kabir

‘Abdullah al-Habti al-Kabir pula melihat pandangan kedua-dua tokoh tersebut tidak tepat serta

menyalahi kebenaran. Al-Yusi menukikan sanggahan beliau terhadap al-Yasitani dalam karyanya *Mashrab al-'Am wa al-Khas* yang mana al-Habti menegaskan bahawa penafian dalam ungkapan yang mulia tersebut tidak sepatutnya melibatkan tuhan-tuhan yang didakwa orang musyrik kerana perkara-perkara tersebut terbukti wujud meskipun tidak bersifat dengan sifat-sifat ketuhanan (al-Yusi, 2019). Hal ini kerana penafian secara *haqiqah* dan *jins* melazimkan ternafinya subjek dan *afrad* yang berada di bawahnya. Ahmad al-Jawhari menukikan ucapan al-Habti yang berpandangan bahawa maksud ‘tuhan’ ialah tuhan yang sebenar dan selayaknya disembah. Beliau mengulas lanjut kenyataan ini dengan mengatakan bahawa lafadz tuhan hanya selayaknya bagi tuhan yang sebenar dan perkara yang didakwa sebagai tuhan secara batil tidak layak dimasukkan dalam penafian dalam *kalimah al-tawhid*. Menurut al-Jawhari, pandangan ini bertepatan dengan pandangan Muhammad bin Yusuf al-Sanusi dalam *Sharh Umm al-Barahin* dan inilah pandangan yang benar menurut al-Jawhari serta pandangan yang penulis cenderung ke arahnya. Adapun pandangan kedua-dua tokoh tersebut, ia masih boleh diterima namun ia memerlukan kepada takwilan serta usaha yang berat untuk menjelaskan kefahaman yang sebenar berdasarkan zahir ucapan mereka (al-Jawhari, 2022).

AHMAD AL-JAWHARI DAN KHATIMAH AL-SA‘ADAH

Nama lengkap beliau ialah Ahmad bin Hasan bin ‘Abd al-Karim al-Khalidi al-Jawhari. Gelaran beliau ialah Abu al-‘Abbas Shihab al-Din. Beliau dilahirkan pada tahun 1096 H dan berasal dari Mesir. Beliau merupakan salah seorang tokoh ilmu kalam yang disegani di sana dan beliau antara ilmuwan yang mengajar ilmu kalam di Masjid al-Azhar, Mesir. Antara karya beliau yang membuktikan ketinggian martabatnya dalam ilmu ialah penulisan *hashiah* beliau sendiri terhadap *Ithaf al-Murid ‘ala Jawharah al-Tawhid, Khalis al-Naf’ fi Bayan al-Matalib al-Sab’ min ‘Ilm al-Kalam dan Hidayah al-Rashidin wa al-Mustarshidin li Hall Sharh al-Sanusi ‘ala Umm al-Barahin* (Abd al-Razzaq, 1993).

Khatimah al-Sa’adah merupakan karya beliau dalam ilmu kalam yang membincangkan secara khusus mengenai pentafsiran ungkapan *kalimah al-tawhid*. Karya ini dipilih oleh penulis sebagai induk kajian kerana ia merupakan karya yang ditulis secara ringkas namun dimuatkan dengan perbahasan-perbahasan yang penting dalam memahami ungkapan yang mulia tersebut. Beliau membahaskan dengan terperinci ungkapan ini melalui aspek bahasa, ilmu mantik serta ilmu kalam justeru menjadikan risalah tersebut sebagai sebuah risalah yang mengandungi pelbagai ilmu dan maklumat yang penting dan menarik untuk dibaca dan dikaji.

Menurut Khalil Isma‘il Ilyas (2022) selaku pengkaji manuskrip bagi *Khatimah al-Sa’adah*, kitab ini merupakan hasil daripada polemik yang telah berlaku antara tiga tokoh tersebut iaitu al-Kharrubi, al-Yasitani dan juga al-Habti al-Kabir. Beliau berkata bahawa al-Jawhari memilih pandangan al-Habti sebagai pandangan yang paling tepat serta menyatakan bahawa pandangan al-Habti itu menepati ulasan yang ditulis oleh al-Sanusi. Meskipun begitu, beliau turut mengatakan bahawa pandangan al-Yasitani juga benar meskipun memerlukan kepada takwil dan huraiyan yang lanjut (al-Jawhari, 2022). Hal ini berdasarkan ucapan jelas al-Jawhari dalam *Khatimah al-Sa’adah*:

وَقَدْ عِلِّمْتَ أَنَّ ظَاهِرَ كَلَامِ السَّنُوسيِّ مَعَ سَيِّدِي عَبْدِ اللَّهِ الْهَبْطِيِّ، وَهُوَ التَّحْقِيقُ، وَإِنْ كَانَ مَا

قالَ الْيَسِّيرُ أَيْضًا صَحِحٌ.

Berdasarkan ucapan ini, dapat difahami dengan jelas bahawa al-Jawhari cuba mendamaikan perselisihan yang telah berlaku dengan mengatakan bahawa kedua-dua pandangan mereka sebenarnya benar namun pandangan yang lebih tepat memihak kepada al-Habti al-Kabir. Oleh itu, beliau cuba untuk menyatakan bahawa tidak sepatutnya saling menyesatkan melalui perselisihan ini kerana kesemuanya benar jika difahami dengan disiplin ilmu yang benar. Atas dasar itu, Khalil Ilyas merumuskan bahawa penamaan kitab ini sebagai *Khatimah al-Sa'adah* (Penutup Kebahagiaan) dipilih oleh al-Jawhari kerana kemuncak kebahagiaan diperoleh dengan mengharmonikan perselisihan ulama umat ini (al-Jawhari, 2022).

PRINSIP ILMU MANTIK DAN PENGARUHNYA DALAM MEMAHAMI DAN PENTAFSIRAN KALIMAH AL-TAWHID

Dalam sub-topik ini, penulis akan cuba menjelaskan beberapa prinsip ilmu mantik yang dijadikan sebagai asas penghujahan tokoh yang terlibat dalam pentafsiran ungkapan yang mulia ini serta bagaimana prinsip tersebut mempengaruhi mereka dalam pentafsiran mereka. Ilmu mantik merupakan ilmu yang mendapat kedudukan yang tinggi dalam tradisi ilmu Islam. Muhammad Rashidi Wahab (2020) menegaskan bahawa ilmu mantik telah dimanfaatkan dalam pelbagai ilmu terutamanya ilmu yang melibatkan hujah logik ('aqliyyah) seperti ilmu kalam. Oleh itu, topik ini amat penting untuk diberikan perhatian terutama buat para pengkaji dan ilmuwan dalam pengajian Islam. Topik ini akan bertumpu pada teks *Khatimah al-Sa'adah* sebagai induk perbahasan serta beberapa komentar ilmuwan yang berkaitan sebagai pelengkap perbahasan.

Prinsip Pertama: Memahami Perbezaan Antara Lafaz Yang *Kulli* dan Lafaz Yang *Juz'i*

Makna bagi sesuatu lafaz sama ada bersifat dengan *kulli* ataupun *juz'i*. Penentuan makna sesuatu lafaz daripada salah satu daripada sifat tersebut merupakan perkara yang amat penting serta perlu diberikan perhatian dalam memahami polemik ungkapan *kalimah al-tawhid*. Hal ini kerana perselisihan antara al-Kharrubi dan al-Yasitani berpaksikan prinsip ini.

Menurut Muhibullah bin 'Abd al-Shakur al-Bihari (2017) menerusi *Sullam al-'Ulum fi 'Ilm al-Mantiq*, makna yang *kulli* bagi sesuatu lafaz ialah makna yang akal mengharuskan ia mempunyai subjek dan *afrad* yang ramai dari sudut semata-mata memahaminya. Contohnya ialah lafaz manusia. Akal mengharuskan perkongsian makna kemanusiaan antara subjek yang ramai seperti Ali dan Abu. Lafaz *juz'i* pula sebaliknya iaitu makna yang akal tidak mengharuskan ia mempunyai pelbagai subjek dari sudut semata-mata memahaminya seperti lafaz Ali bagi seseorang yang khusus serta bernama Ali. Hal ini kerana lafaz tersebut dikhatuskan untuk individu itu sahaja dan tidak boleh dikongsi oleh ramai individu.

Al-Bihari seterusnya membahagikan lafaz yang *kulli* ini kepada tiga pembahagian:

- i. Kemustahilan wujud *afrad* bagi makna lafaz tersebut seperti sekutu bagi Tuhan yang

- selayaknya disembah.
- ii. Kemestian wujud *afrad* bagi makna lafaz tersebut seperti Tuhan yang selayaknya disembah.
 - iii. Keharusan wujud *afrad* bagi makna lafaz tersebut seperti manusia.

Isma‘il bin Mustafa al-Kalanbawi (2020) menerusi *Hawashi al-Burhan fi al-Mantiq* membahagikan lafaz *kulli* kepada enam pembahagian:

- i. Lafaz *kulli* yang mustahil wujud *afrad* baginya seperti sekutu kepada Allah SWT.
- ii. Lafaz *kulli* yang menerima kewujudan *afrad* namun ia tidak wujud secara aktual di dunia realiti seperti burung garuda.
- iii. Lafaz *kulli* yang menerima kewujudan *afrad* namun hanya mempunyai satu sahaja dan mustahil ia berbilang seperti lafaz Tuhan yang selayaknya disembah.
- iv. Lafaz *kulli* yang menerima kewujudan *afrad* namun hanya mempunyai satu sahaja namun tidak mustahil ia berbilang seperti matahari jika dinisbahkan kepada sistem suria kita.
- v. Lafaz *kulli* yang mempunyai *afrad* yang berbilang namun mempunyai jumlah tertentu seperti planet.
- vi. Lafaz *kulli* yang mempunyai *afrad* yang berbilang namun tidak terhad seperti nikmat di syurga.

Lafaz ‘tuhan’ termasuk dalam kategori yang ketiga kerana *afrad* bagi lafaz tersebut hanyalah satu iaitu Allah SWT.

Justifikasi al-Yasitani dalam membantah pentafsiran al-Kharrubi terhadap maksud tuhan dalam ungkapan yang mulia tersebut dapat difahami apabila pembahagian lafaz *kulli* tersebut difahami. Apabila al-Kharrubi menafsirkan tuhan dalam ungkapan tersebut dengan tuhan-tuhan yang didakwa benar oleh orang musyrik, al-Yasitani berpandangan pentafsiran tersebut tidak boleh diterima kerana tuhan-tuhan yang disembah orang musyrik bersifat khusus, spesifik dan *juz'i* sedangkan penafian yang berlaku dalam ungkapan yang mulia melibatkan perkara yang *kulli*. Hal ini kerana seandainya ternafi perkara yang *kulli*, perkara *juz'i* yang terangkum di bawah perkara yang *kulli* tersebut juga akan ternafi. Atas dasar itu, al-Yasitani berpandangan sepatutnya lafaz tuhan tersebut ditafsirkan dengan tuhan yang batil secara umum supaya penafian tersebut dapat berlaku secara umum dan *kulli* (al-Yusi, 2019). Ini melazimkan ia turut menafikan perkara-perkara *juz'i* yang terangkum di bawah lafaz tuhan yang batil itu seperti tuhan yang disembah orang musyrik, penganut Kristian dan lain-lain.

Meskipun begitu, al-Jawhari mendapati zahir pandangan al-Yasitani ini akan menatijahkan perkara yang tidak benar. Beliau berkata seandainya benar maksud ‘tuhan’ di situ ialah tuhan yang batil secara umum, maka ia akan menatijahkan *istithna'* dalam ungkapan yang mulia ini bersifat *munqati'* kerana Allah SWT bukanlah sebahagian daripada tuhan yang tidak benar. Oleh itu, beliau berpandangan bahawa maksud lafaz tuhan pada ungkapan yang mulia tersebut ialah tuhan yang selayaknya disembah seperti mana yang dibawa oleh al-Sanusi dan al-Habti (al-Jawhari, 2022). Hal ini turut selari dengan kaedah bahasa yang menyatakan *istithna'* itu pada asalnya merujuk kepada *muttaṣil* selama mana tidak ada petunjuk yang merujuk kepada *munqati'* (al-‘Attar, t.t.).

Prinsip Kedua: Memahami Inti Pati Utama Sesuatu *Qadiyyah*

Sesuatu ucapan ataupun *qadiyyah* mempunyai inti pati yang perlu difahami dengan baik sebelum menerimanya ataupun menolaknya. Qutbu al-Din al-Razi (1947) menerusi *Tahrir al-Qawa'id al-Mantiqiyah Sharh al-Shamsiyah* berkata:

فِحْصَلُ مَفْهُومُ الْقَضِيَّةِ يَرْجُعُ إِلَى عَقْدَيْنِ: عَقْدِ الْوَضْعِ وَهُوَ اتِّصَافُ ذَاتِ الْمَوْضُوعِ بِوَصْفِهِ
وَعَقْدِ الْحَمْلِ وَهُوَ اتِّصَافُ ذَاتِ الْمَوْضُوعِ بِوَصْفِ الْمَحْمُولِ... فَهُنَّا ثَلَاثَةُ أَشْيَاءٍ: ذَاتُ الْمَوْضُوعِ
وَصَدْقُ وَصْفِهِ عَلَيْهِ وَصَدْقُ وَصْفِ الْمَحْمُولِ عَلَيْهِ.

Melalui teks ini, Qutbu al-Din al-Razi menegaskan bahawa inti pati sesuatu *qadiyyah* itu akhirnya akan kembali kepada dua proses:

- i. Proses ‘*aqd al-wad’*: *Dhat al-mawdu’* bersifat dengan *wasf al-mawdu’*.
- ii. Proses ‘*aqd al-haml*: *Dhat al-mawdu’* bersifat dengan *wasf al-mahmul*.

Oleh itu, sesuatu *qadiyyah* mengandungi tiga perkara:

- i. *Dhat al-Mawdu’*
- ii. Pemberanakan penyifatan *dhat al-mawdu’* dengan *wasf al-mawdu’*
- iii. Pemberanakan penyifatan *dhat al-mawdu’* dengan *wasf al-mahmul*

Apabila perkara ini sudah difahami, maka hujah al-Habti dalam membantah al-Yasitani dianggap kukuh kerana hujah beliau berasaskan konsep mantik ini. Berdasarkan kepada kefahaman al-Yasitani terhadap *kalimah al-tawhid* yang mana al-Yasitani memahami ungkapan tersebut bahawa tiada tuhan yang batil itu wujud melainkan Allah SWT, *mawdu’* bagi ungkapan ini ialah ‘tuhan yang batil’ mempunyai subjek dan *misdaq*-nya seperti berhala dan matahari. Inilah *dhat al-mawdu’* bagi ungkapan tersebut. Hal ini kerana berhala dan matahari terangkum di bawah satu makna yang umum iaitu sesuatu yang tidak layak disembah. Inilah *wasf al-Mawdu’* bagi ungkapan tersebut. *Mahmul* bagi ungkapan ini pula ialah ‘wujud’. Oleh itu, seandainya benar bahawa *wasf al-wawdu’* bagi ungkapan ini ialah entiti yang tidak layak disembah seperti yang difahami daripada zahir ucapan al-Yasitani, maka ia jelas menatijahkan kontradiksi (*tanaqud*) kerana ungkapan tersebut memberikan kefahaman bahawa tuhan-tuhan yang palsu ataupun batil tidak wujud sedangkan berhala-berhala tersebut ternyata wujud. Hal ini kerana ungkapan tersebut merupakan *qadiyyah salibah* yang merujuk kepada penafian penyifatan *dhat al-mawdu’* dengan *wasf al-mahmul*. Dalam erti kata lain, ungkapan *kalimah al-tawhid* berdasarkan kefahaman al-Yasitani memberikan kefahaman yang tidak tepat iaitu ketidakwujudan subjek tuhan yang batil seperti berhala dan matahari sedangkan kesemuanya terbukti wujud namun tidak bersifat dengan sebarang sifat ketuhanan.

Atas dasar itu, al-Jawhari dalam *Khatimah al-Sa'adah* menukilkan pandangan al-Habti yang menyatakan bahawa pandangan yang menyatakan tuhan yang dimaksudkan dalam ungkapan tersebut ialah tuhan yang batil merupakan kefahaman orang yang jahil serta tidak

benar (al-Jawhari, 2022). Kebatilannya jelas dari dua wajah:

- i. Lafaz tuhan tidak layak bagi perkara-perkara sedemikian.
- ii. Perkara-perkara tersebut wujud dan tidak boleh dinafikan kewujudannya.

Oleh itu, pandangan yang benar dalam pentafsiran lafaz ‘tuhan’ dalam ungkapan tersebut ialah pandangan al-Habti al-Kabir iaitu tuhan yang selayaknya disembah.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa ilmu mantik sememangnya mempunyai pengaruh yang kuat dalam pentafsiran *kalimah al-tawhid*. Ini dibuktikan dengan jelas melalui perselisihan antara tiga orang tokoh tersebut dapat difahami atas hujahan mereka melalui disiplin dan prinsip yang dibincangkan dalam ilmu mantik. Hal ini tidak aneh kerana Hujjatu al-Islam Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (2002) menyifatkan bahawa ilmu mantik merupakan pintu masuk bagi semua ilmu. Beliau turut menyifatkan sesiapa yang tidak menguasai ilmu ini maka ilmu pengetahuannya itu tidak boleh dipercayai. Hal ini kerana ilmu ini mengajarkan disiplin berfikir dengan baik serta penghasilan kesimpulan yang benar. Seandainya tidak dipelajari, ia tidak memberikan sebarang jaminan kepada individu tersebut untuk terjaga daripada kesilapan ketika berfikir. Ini sekali gus membuktikan bahawa ilmu mantik ini wajar dipelajari dan dikuasai oleh semua pelajar dan pengkaji dalam bidang pengajian Islam.

Kajian ini turut membuktikan bahawa perselisihan dalam tradisi ilmu itu merupakan perkara yang biasa namun tidak wajar hingga ke tahap saling menyesatkan khususnya ketika perselisihan tersebut masih boleh diselesaikan dengan disiplin ilmu yang benar. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui usaha al-Jawhari untuk mengharmonikan perselisihan ini. Beliau tetap menganggap pendapat al-Yasitani itu benar namun beliau berpendapat bahawa pandangan al-Habti merupakan pandangan yang lebih tepat dalam isu ini. Ini sekali gus menunjukkan bahawa sesuatu perselisihan seandainya boleh dileraikan, maka ia sewajarnya dileraikan kerana penyatuan umat itu amat dituntut dan ditegaskan dalam agama. Perdebatan antara ulama berlandaskan disiplin ilmu *adab al-bahth wa al-munazarah*. Oleh itu, di samping ilmu mantik, ilmu ini juga wajib dikuasai oleh seorang pengkaji yang berminat untuk perdebatan dan perselisihan antara ulama supaya mereka memahami hujah dan dalil yang dikemukakan oleh setiap pihak yang berselisih.

Kajian ini turut merumuskan bahawa teks *Khatimah al-Sa‘adah* mengandungi perbahasan ilmu kalam yang penting yang perlu diberikan perhatian oleh para pelajar dan pengkaji dalam bidang usuluddin. Hal ini kerana perbahasan *kalimah al-tawhid* merupakan induk dan asas bagi agama Islam. Seandainya perbahasan ini diabaikan, ia akan membawa kepada keruntuhan kefahaman umat Islam terhadap asas akidah yang sahih.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Razzaq. (1993). *Hilyah al-Bashar fi Tarikh al-Qarn al-Thalith ‘Ashar*, ed. Muhammad Bahjah al-Baytar. Cet. pertama. Beirut: Dar Sadir.
- al-‘Attar. (t.t.). *Hashiah al-‘Attar ‘ala Sharh al-Jalal al-Mahalli ‘ala Jam‘ al-Jawami‘*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Ahmad. (2019). *Hashiah Qawl Ahmad 'ala al-Fawa'id al-Fanariyyah*, ed. Abu Ja'far al-Zahiri. Cet. pertama. Istanbul: Dar Tahqiq al-Kitab.
- Amin, M. S. A. N. S., & Rahman, S. M. H. S. A. (2023). Pengaruh Ilmu Mantik Terhadap Beberapa Penulisan Ilmu Nahu: The Influence of Mantic on Some of Nahu's Literatures. *ALBASIRAH JOURNAL*, 13(1), 70-82.
- al-Ansari. (2020). *al-Matla' Sharh Isaghuji fi 'Ilm al-Mantiq*, ed. Bilal al-Saqa. Cet. pertama. Damsyik: Dar al-Taqwa.
- al-Azhari. (2000). *al-Tasrih bi Madmun al-Tawdih fi al-Nahw*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bajuri. (t.t.). *Hashiah al-Bajuri 'ala Risalah Muhammad al-Fudali fi La Ilaha Illa Allah*. T.t.p: t.p.
- al-Bihari. (2017). *Sullam al-'Ulum fi 'Ilm al-Mantiq*, ed. 'Abd al-Nasir al-Malibari. Cet. pertama. Kuwait: Dar al-Diya'.
- al-Dusuqi. (1327). *Hashiah al-Dusuqi 'ala Sharh al-Qutb 'ala al-Shamsiyyah*. Beirut: Sharikah Shams al-Sharq li al-Khidmat al-Thaqafiyah.
- al-Dusuqi. (1355). *Hashiah al-Tajrid al-Shafi'i 'ala Tahdhib al-Mantiq al-Kafi*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Halabi.
- al-Dusuqi. (1929). *Hashiah al-Dusuqi 'ala Sharh al-Samarqandi 'ala al-Risalah al-'Adudiyyah*. Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyyah.
- Hamat, M. F. (2002). Kedudukan mantik sebagai mukadimah ilmu: Satu analisis pandangan al-Imam al-Ghazzali. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 3(1), 33-56.
- al-Jawhari. (2022). *Khatimah al-Sa'adah wa al-Iltija' ila Allah fi Ma'na La Ilah Illa Allah*, ed. Khalil Isma'il Ilyas. Cet. pertama. Kuala Nerang: Pusat Pengajian dan Tarbiah Darul Hikmah.
- al-Kalanbawi. (2020). *Hawashi al-Burhan fi al-Mantiq*, Cet. pertama. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- al-Katibi. (N.D.). *al-Risalah al-Shamsiyyah fi al-Maniq*, ed. Jadallah Bassam. Cet. .Amman: Dar al-Fath.
- al-Khabisi. (1355). *al-Tadhhib 'ala Tahdhib al-Mantiq*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Halabi.
- Khalil Isma'il Ilyas. (2022). *al-Zubdah fi 'Ilm al-Wad': Su'al wa Jawāb*. Kedah: Pusat Pengajian Islam dan Tarbiah Darul Hikmah.
- al-Razi. (1393). *Lawami' al-Asrar fi Sharh Matali' al-Anwar*, ed. Abu al-Qasim al-Rahmani. Cet. .Tehran: Mo'assasa-e-Pajhuheshi Hekmat-o-Falsafeh 'Iran.
- al-Razi. (1947). *Tahrir al-Qawa'id al-Mantiqiyah Sharh al-Risalah al-Shamsiyyah*. Kaherah: Mustafa al-Halabi.
- Riswanto, A. M., & Abdullah, W. S. W. (2021). On the Authorship of Fakhr al-Din al-Razi's al-Khalq wa al-Ba'th. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 23(2), 171-224.
- Saful, M. S. A. N. B., Saiful, A., & Rahman, S. M. H. S. A. (2022). Aplikasi Ilmu Adab al-Bahth wa al-Munazarah dalam Isu Ru'yah Allah: Application of Adab al-Bahth wa al-Munazarah in the Issue of Ru'yah Allah. *Jurnal Usuluddin*, 50(2).
- al-Sanusi. (2019). *Sharh al-'Aqidah al-Sughra*, ed. Anas al-Sharfawi. Cet. pertama. Damsyik: Dar al-Taqwa.
- al-Shafi'i. (2013). *al-Madkhal Ila Dirasah 'Ilm al-Kalam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Taftazani. (2022). *Sharh al-Risalah al-Shamsiyyah fi Tahrir al-Qawa'id al-Mantiqiyah*, ed. Mas'ad Sa'idi. Cet. pertama. Kuwait: Dar al-Diya.
- Wahab, M. R., & Hamat, M. F. (2020). Kedudukan Ilmu Mantik Dalam Pemikiran Islam: The Position of Logic in Islamic Thought. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 22(2), 1-42.
- al-Yusi. (2019). *Mashrab al-'Am wa al-Khas min Kalimah al-Ikhlas*, ed. Ahmad Farid al-Mazidi. Cet. . Beirut: Kitab Nashirun.
- Zainul Abidin, A.H. (2021). *Sejarah Ringkas Mazhab Ash'arī Di Barat Dunia Islam: Perkembangan, Tokoh-Tokoh Utama dan Karya-Karya Penting*, Cet. ke-2. Kuala Lumpur: Nizamiyyah Institute.